

PM mahu penjaja bersihkan gerai

W
Oleh Norazmi Abdul Talib

BM 23 FEB 1992

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu penjaja di sekitar ibu kota meningkatkan mutu gerai masing-masing agar lebih bersih, cantik dan tersusun bagi menarik lebih ramai pelanggan, termasuk pelancong.

"Masyarakat kita memang suka makan di gerai, tetapi penjaja perlu mewujudkan keadaan yang lebih cantik dan menarik," katanya kepada

pemberita selepas merasmikan Karnival Jalan Petaling di sini, malam tadi.

Menurutnya, walaupun harga mahal sedikit, lebih ramai pelanggan akan datang jika gerai menarik, bersih, teratur dan cantik.

Sehubungan itu, katanya, sebarang arahan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar mengenai perkara itu hendaklah dipatuhi.

"Semua orang mesti bekerjasama. Jika Datuk

Bandar memberi arahan, orang tidak ikut, susahlah. Kita buat sesuatu adalah untuk kebaikan penjaja sendiri," katanya.

Ditanya mengenai ada penjaja dipergunakan untuk kepentingan politik, Perdana Menteri berkata, kerajaan melakukan untuk kebaikan semua dan janganlah dibabitkan dengan politik.

Sebagai contoh, katanya, tol dikenakan bagi

menyediakan kemudahan jalan yang baik untuk kemudahan kepada pengguna.

"Jika hendak yang baik, tentu mahal, harus sanggup bayar kalau hendak baik," katanya.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, tiada sebab penjaja tidak boleh disusun secara lebih teratur, bersih dan menarik.

Katanya, walaupun cara itu menyebabkan harga

jualan akan naik, ia tidak akan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pelanggan.

Mengenai Karnival Jalan Petaling itu, beliau percaya ia akan memberi faedah kepada penjaja di kawasan itu serta sekitar ibu kota kerana menarik lebih ramai pelanggan.

"Karnival ini akan dapat memperkenalkan juga kebudayaan pelbagai kaum di Malaysia," katanya.